

UM (Dalam Negeri) Ahad 12/10/14 m/s 18

Pelajar cemerlang sedih terima anugerah tanpa kehadiran ibu bapa

KUANTAN 11 Okt. - Tiada apa yang lebih bermakna bagi seorang graduan apabila ibu bapa hadir menyaksikan mereka menerima ijazah di majlis konvokesyen selepas bertungkus-lumus menamatkan pengajian.

Bagaimanapun, situasi itu tidak berlaku kepada pelajar cemerlang, **Rahimah Embong**, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dipilih sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang pada Majlis Konvokesyen Kesembilan UMP di sini hari ini.

Anak bongsu daripada empat beradik itu sebab sebaik sahaja namanya diumumkan sebagai salah seorang penerima daripada 15 anugerah tertinggi yang menjadi idaman setiap pelajar kerana kedua ibu bapanya tidak hadir pada hari bersejarah itu akibat kemalangan jalan raya tiga hari lalu.

Menurut Rahimah, dia cukup terkilan apabila hasrat ayahnya, Embong Ali, 64, dan ibu, Jawyah Che Omar, 58, tidak kesempaan selepas kedua-duanya cedera akibat kemalangan di Kemaman, Terengganu.

"Saya sedih sebab ayah sangat berhajat untuk menyaksikan saya naik pentas menerima ijazah ini. Ayah baru sedar dari koma semalam selepas mengalami kecederaan di dada dan muka.

"Sebaik sahaja sedar, ayah beritahu dia mahu hadir ke majlis konvokesyen saya walaupun dengan berkerusi roda tetapi kami sekeluarga terpaksa melarang. Kami bimbang ayah pengsan kerana kesihatan ayah tidak stabil," katanya sambil menitikkan air mata ketika ditemui pemberita di sini.

Rahimah antara 2,493 graduan yang menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Dalam pada itu, dua sahabat karib, J. Saravanan, 23, dan Mohd. Fathil Mohd. Ismail, 23, turut di-



KEJAYAAN dua pasang kembar yang memperoleh ijazah masing-masing. **Sharifah Syazwana Syed Hashim** (kiri) dan **Sharifah Syazwani** serta pasangan **Abdul Aziz Shafie** (kanan) dan **Abdul Hashim** menarik perhatian ramai pada Konvokesyen UMP di Kuantan, semalam.

anugerahkan Anugerah Pingat Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada majlis konvokesyen itu.

Kedua-dua mereka yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri sering belajar bersama tidak menyangka akan dipilih sebagai penerima pingat tertinggi itu bagi kategori bumiputera dan bukan bumiputera.

Selain itu, pendaki gunung Everest, **Myrza Fasha Md. Hamyuddin**, 23, yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) turut menerima anugerah Wirawati Everest.

Myrza Fasha merupakan pendaki Ekspedisi Projek Everest Felda 2013 oleh Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia.

Sementara itu, kejayaan dua pasangan kembar seiras yang memperoleh ijazah sarjana muda masing-masing pada majlis konvokesyen itu mencuri tumpuan ramai.

Sharifah Syazwana Syed Hashim, 23, dan pasangan kembarnya, **Sharifah Syazwani** dari Bangi, Selangor mengikuti pengajian dalam bidang sama iaitu Ijazah Sarjana Muda (kepujian) Kejuruteraan Awam di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam.

Bagaimanapun, pasangan **Abdul Aziz Shafie**, 24 dan adiknya, **Abdul Hashim** dari Gua Musang, Kelantan mempunyai minat yang berbeza apabila masing-masing memilih bidang berlainan iaitu Ijazah Sarjana Muda Mekanikal Am dan Ijazah Sarjana Muda Sistem Kuasa.

Menurut **Sharifah Syazwana**, mereka bersyukur dapat menamatkan pengajian dan mendapat pekerjaan bersama-sama di bawah satu bumbung.

"Saya bersyukur sejak dilahirkan kami ditakdirkan sentiasa bersama iaitu dari tadika, sekolah, matrikulasi, universiti dan kini bekerja sebagai jurutera di syarikat yang sama," katanya.